

14/10/2003

Dr Mahathir dijangka terima 'kejutan' dari Thailand

Khaidir Abdul Majid; Zainab Yatim

BANGKOK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang terakhirnya di sini minggu depan, dijangka menerima "kejutan" daripada tuan rumah Thailand dan rakan lain kumpulan itu.

Pegawai kanan Kementerian Luar Thailand berkata sebarang majlis khas yang mungkin dianjurkan tuan rumah untuk meraikan Dr Mahathir tidak boleh didedahkan sekarang kerana ia masih rahsia.

"Sekiranya kami mengadakan sesuatu, kami tidak boleh menyatakannya sekarang," kata Ketua Pengarah Kementerian Luar Thailand, Sihasak Phuangketkeaw pada sidang media di Pusat Konvensyen Ratu Sirikit di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada Apec yang ditubuhkan pada 1989 bagi antara lain mempromosi perdagangan dan pelaburan bebas dan terbuka di pasaran 21 anggotanya, akan mengadakan sesuatu untuk mengucapkan selamat bersara kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang akan mengundur diri sebagai Perdana Menteri hujung bulan ini, sudah menghadiri tujuh daripada 10 mesyuarat pemimpin tahunan Apec yang diadakan sejak 1993 di Blake Island, Seattle, Amerika Syarikat.

Ketiadaan Dr Mahathir yang terkenal dengan kelantangannya mengutarakan pandangan di forum Apec akan dirasai, kata seorang lagi pegawai Kementerian Luar Thailand.

"Ia mungkin selamat tinggal kepada pemimpin Apec, tetapi saya berharap ia bukanlah selamat tinggal kepada Bangkok.

"Dr Mahathir adalah seorang yang mempunyai pandangan yang tersendiri dan tegas mengenai sesuatu isu.

"Beliau banyak menyumbang kepada pembangunan Malaysia sejak lebih 20 tahun lalu.

"Walaupun beliau akan bersara bulan depan, kami berharap beliau akan terus menyumbang dengan memberi pandangannya berhubung isu serantau," kata pegawai itu kepada Berita Harian.